

**Wacana Pendidikan Anak-anak dalam *Pujangga Melayu*
Karya Mohd Affandi Hassan
(Thoughts on Children's Education as Presented by Mohd Affandi Hassan
in *Pujangga Melayu*)**

MOHD FAIZAL MUSA

ABSTRAK

Dalam dunia sastera Malaysia, Mohd Affandi Hassan mengemukakan Gagasan Persuratan Baru yang mementingkan ilmu dan pemikiran sebagai asas pengkaryaan. Beliau menggunakan istilah dan konsep persuratan yang menekankan ilmu untuk membezakannya dengan konsep sastera yang tidak menjadikan ilmu sebagai keutamaannya. Beliau juga meletakkan adab sebagai asas persuratan dan menjadikan adab tersebut sebagai tunjang kepada sastera Islam yang merangkumi hubungan dengan Allah dan manusia. Salah sebuah karya Mohd Affandi Hassan yang terkemuka ialah Pujangga Melayu yang dijadikan oleh pengarangnya sebagai acuan atau medan untuk membina sebuah karya sastera yang mengutamakan ilmu, pemikiran dan idea. Salah satu aspek yang diketengahkan oleh Mohd Affandi Hassan dalam Pujangga Melayu ialah berkaitan pendidikan anak-anak dan remaja dalam Islam. Makalah ini berminat untuk mengesani pandangan Mohd Affandi Hassan mengenai subjek tersebut. Dalam usaha untuk menilai persoalan tersebut, makalah ini menggunakan kerangka sastera bandingan Henry H.H Remak yang menyatakan sastera bandingan juga diaplikasikan untuk membandingkan 'sastera dengan bidang lain sebagai ungkapan kemanusiaan'. Untuk itu satu perbandingan antara disiplin sastera dan pendidikan anak-anak menurut Islam dilakukan dalam makalah ini. Enam aspek berkenaan pendidikan anak-anak telah dihurai dan disuguhkan dalam teks dengan meyakinkan. Enam aspek tersebut ialah, pertama; pendedahan aspek tauhid untuk anak-anak, kedua; prinsip muraqabah dalam pendidikan anak-anak, ketiga; pendidikan fizikal yang bermanfaat untuk anak-anak dan remaja, keempat; pemantapan konsep ilmu untuk anak-anak dan remaja Islam, kelima; pemugaran aspek akhlak dan moral untuk anak-anak dan remaja dan keenam, pendidikan anak-anak menerusi aspek ibadah dan amalan. Untuk menyampaikan pemikiran mengenai pendidikan anak-anak ini, Affandi menggunakan pendekatan dan teknik khutbah, pidato dan perbahasan yang mengutamakan wacana ilmu dalam Pujangga Melayu.

Kata kunci: Pendidikan anak-anak, persuratan baru, ilmu, akhlak, sastera Islam

ABSTRACT

Mohd Affandi Hassan contributed the idea of Genuine Literature in Malaysian literary scene that concerned with knowledge and thinking as a basis of literature. He uses the term and concept of 'persuratan' that emphasizes knowledge to distinguish the concept of literature that aside knowledge as the priority. He also put 'adab' as the basis of the literature and 'adab' turn out to be the key to the Islamic Literature that includes a relationship with God and man. In one of his celebrated work, entitled Pujangga Melayu, the author presented the novel as a template or a manual to craft a work of literature that emphasizes knowledge, thoughts and ideas. One aspect that was highlighted dominantly by Mohd Affandi Hassan in Pujangga Melayu is related to children and adolescents education in Islam. This paper is interested to examine the particular subject as presented by Mohd Affandi Hassan in his novel. In an effort to assess the matter, the paper uses Henry H.H Remak's framework of comparative literature. According to Remak, comparative literature is also applied to compare literature to any other disciplines. Six aspects of children's education have been described here. The six aspects are first, the exposure to aspects of 'akidah' to Muslim children during early ages, second; the principle of 'muraqabah' in their education, third; encouraging physical education that benefit children and adolescents, fourth; strengthening the concept of knowledge for children and youth of Islam, fifth; stressing aspects of 'akhlak' and morality for Muslim children and adolescents and sixth the children's education through 'ibadah' or worship and religious rituals. The thoughts on children's education were brought in his novel using sermon, speech and debate oriented techniques in order to propagate knowledge.

Keywords: Children's education, new literature, knowledge, character, Islamic literature

PENGENALAN

Al-Quran menyatakan dengan jelas ilmu merupakan salah satu kayu ukur untuk menentukan kedudukan keimanan kepada Allah. Dalam ayat 28 surah Faatir, Allah berfirman yang bermaksud, “Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu.”

Persoalan ilmu juga dihubungkan dengan cendekiawan atau *ulul albab*. Allah menjelaskan kedudukan *ulul albab* dalam masyarakat pada ayat 269 surah al-Baqarah, maksudnya: “Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebajikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pelajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya (*ulul albab*).” Allah berfirman lagi dalam surah Yusuf, ayat 111 yang bermaksud: “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran (*ulul albab*).” *Ulul albab* dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran pada 16 tempat. *Ulul albab* diberikan hikmah, kebijaksanaan, pengetahuan, pemikiran, merupakan ahli intelek yang mendapat pelajaran, di mana *ulul albab* dapat membuat keputusan dan memberi panduan untuk manusia lain mengenai kehidupan. *Ulul albab* adalah golongan yang diberi pedoman seperti yang disebutkan oleh Allah dalam surah Ali-Imran ayat 7 yang bermaksud: “Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: ‘Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami’. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran (*ulul albab*).”

Al-Quran juga menyatakan beberapa tanda asas *ulul albab*. Allah berfirman dalam surah Ali Imran ayat 190: “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal (*ulul albab*).”

Tanda seterusnya untuk *ulul albab*, mereka harus memisahkan yang batil daripada yang hak, kemudian memilih yang terbaik dari itu. Allah berfirman dalam surah al-Maaidah ayat 100 yang bermaksud: “Katakanlah: Tidak sama yang buruk dengan yang baik, walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu. Oleh itu bertakwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran (*ulul albab*), supaya kamu mendapat berjaya.”

Tanda lain *ulul albab* dihubungkan dengan ‘takut kepada Allah’ atau bertakwa. Dalam surah at-Talaq ayat 10, Allah berfirman, maksudnya: “Allah menyediakan bagi mereka azab seksa yang seberat-beratnya. Maka bertakwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal sempurna dari kalangan orang yang beriman (*ulul albab*). Sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu peringatan.” Takwa tersebut sangat berhubungan

pula dengan aspek-aspek akhlak. Allah berfirman dalam surah az-Zumar ayat 9, maksudnya: “(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah lagi (kepadanya): ‘Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?’ Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna (*ulul albab*).”

Dapat dirumuskan di sini, dalam Islam cendekiawan yang berilmu merujuk kepada mereka yang turut berjuang ‘turun padang’ sambil menyedari ayat 18 surah Ali Imraan... *wa ulu’l-‘ilmi qa’iman bi al-qist*, iaitu ‘ilmuan sejati itu tegak bersama keadilan’. Justeru, yang berilmu dan tegak bersama keadilan itulah cendekiawan. Oleh kerana itu cendekiawan dalam Islam ialah ilmuan yang bukan sahaja berilmu tetapi mempunyai peribadi yang sedar, merupakan kuasa pendesak moral dengan tugas utamanya adalah pembebasan dan pencerahan. Kedudukan ini disinggung dalam ayat 20 hingga 21 dalam surah Yaasin, yang bererti: “Dan (semasa Rasul-rasul itu diancam), datanglah seorang lelaki dari hujung bandar itu dengan berlari lalu memberi nasihat dengan katanya: ‘Wahai kaumku! Turutlah Rasul-rasul itu. Turutlah orang-orang yang tidak meminta kepada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.’ Justeru, adalah jelas ilmu yang dimaksudkan dalam Islam adalah ilmu yang benar menurut sumber-sumber asasi Islam. Sekadar sebagai satu catatan, Fakhruddin al-Razi telah mentakrifkan ilmu itu “sebagai apa yang diketahui dan apa yang menghubungkan *al-alim* (orang yang tahu) dengan *al-ma’lum* (apa yang diketahuinya).” Beliau juga telah menggariskan tiga unsur ilmu iaitu *ikhtiqad* (pegangan atau kepercayaan), tidak bercanggah dengan kebenaran dan akhir sekali, pembenaran atau pengesahan yang berasaskan gambaran yang sempurna dan teguh (Najibah Abdul Mutalib 2000).

Sebagai sebuah kajian kepustakaan, makalah ini merupakan satu perbandingan antara disiplin. Perbandingan dilakukan antara teks sastera dengan pendidikan Islam. Perbandingan ini dilakukan dengan mengambil perspektif Remak (1971), yang menyatakan bahawa ‘sastera bandingan adalah membandingkan sastera sebuah negara dengan sastera negara lain dan membandingkan sastera dengan bidang lain sebagai ungkapan kemanusiaan’. Pandangan Remak dan lain-lain di atas bukanlah sesuatu yang kosong kerana Laporan Greene 1975 yang diajukan oleh sekumpulan sarjana sastera bandingan di Barat kepada American Comparative Literature Association menjelaskan bahawa “*Comparative Literature movement wanted to explore the relationships of literature with the other arts and humanities: with philosophy, history, history of ideas, linguistics, music, art and folklore among others*” (Bernheimer 1995).

Harus dinyatakan di sini, terdapat banyak kajian ilmiah mengenai *Pujangga Melayu*, akan tetapi belum ada satu

makalah ilmiah yang menerokai persoalan pendidikan anak-anak dan remaja dalam Islam seperti yang beliau utarakan. Sebagai contoh Mohd Zariat Abdul Rani (2004) hanya membicarakan persoalan poligami dan kedudukan wanita menurut Islam seperti yang dikupas oleh Mohd Affandi Hassan dalam *Pujangga Melayu*. Sementara Ungku Maimunah Mohd Tahir (2007) pula hanya menumpukan aspek-aspek ilmu dan segala yang berkaitan.

Dalam konteks inilah makalah ini akan beroperasi untuk membincangkan persoalan pendidikan anak-anak menurut Islam seperti yang diutarakan oleh Mohd Affandi Hassan dalam novel terkenal beliau itu. Untuk mendalami aspek ilmu pendidikan anak-anak ini teks *Pujangga Melayu* tulisan Mohd Affandi Hassan (1997) digunakan sebagai pemerhatian. Untuk itu makalah ini akan meneliti bagaimana persoalan dan aspek ilmu telah dimanfaatkan dalam karya tersebut. Aspek ilmu yang dimaksudkan ialah pendidikan anak-anak dan remaja.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga persoalan utama ditawarkan oleh Mohd Affandi Hassan dalam *Pujangga Melayu*. Persoalan pertama yang dibahaskan oleh pengarang ialah mengenai kedudukan sastera dan persuratan, serta peranan sasterawan dan pengarang dalam Islam. Persoalan peranan sasterawan ini telah pun disinggung serba sedikit dalam sub topik 'Ambiguiti dalam *Pujangga Melayu*'. Persoalan kedua yang mendapat tempat dalam *Pujangga Melayu* ialah persoalan poligami dalam Islam. Mohd Zariat Abdul Rani (2004) telah pun membicarakan persoalan ini secara mendalam. Seperti yang dinyatakan, untuk membicarakan keabsahan kandungan atau wacana ilmu *Pujangga Melayu* menurut al-Quran dan Sunnah, makalah ini akan menumpukan persoalan ketiga iaitu persoalan pendidikan anak-anak dan remaja menurut Islam, yang ikut disentuh oleh Mohd Affandi Hassan secara langsung dan tidak langsung dalam karyanya ini.

Perbincangan seterusnya dibahagikan kepada sub-topik seperti berikut; pertama, sinopsis *Pujangga Melayu*; kedua, gubahan teks *Pujangga Melayu*; ketiga, wacana ilmu dalam *Pujangga Melayu* iaitu pendidikan anak-anak dan remaja; dan akhirnya, kesimpulan.

SINOPSIS PUJANGGA MELAYU

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, novel yang disorot dalam makalah ini ialah *Pujangga Melayu* karya Mohd Affandi Hassan (1997). Novel ini merupakan himpunan empat buah novel Affandi yang terbit sebelumnya berjudul *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994), *Tampang Sasterawan* (1994) dan *Wajah Pendeta* (1996). Semuanya diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bukti, Kuala Lumpur melainkan *Jejak Warisan* yang diterbitkan oleh Penerbit Tiga Puteri, Pasir Mas, Kelantan. Himpunan empat buah novel itu disatukan dengan judul *Pujangga Melayu*. Karya setebal 714 halaman ini adalah gabungan empat buah novel iaitu *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga*, *Tampang Sasterawan* dan *Wajah Pendeta*.

Pujangga Melayu mengisahkan perjalanan hidup seorang ahli akademik bernama Awang bin Yusuf sejak zaman remaja sehinggalah kepada usahanya untuk menubuhkan Universiti Islam Darulnaim di Kelantan. Dalam tempoh perjalanan hidup yang panjang itu Awang telah mengalami percintaan tiga segi antara Tengku Aini Faridah, dan Azizah. Awang juga mengalami krisis rumah tangga yang hebat sehingga bercerai dengan Tengku Aini Faridah kerana campur tangan mertua. Awang kemudian telah menuntut di Universiti Harvard dan berkenalan dengan seorang wanita Palestin bernama Aisyah. Sekembalinya ke Malaysia, dengan restu Aisyah, Awang memperisteri semula Tengku Aini Faridah yang telah gagal dalam perkahwinan keduanya. Awang juga mengahwini pelajar yang mengkaji pemikirannya iaitu Sarasvati atau Salasiah dan pengasuh anak-anaknya iaitu Faridah. Sebahagian besar kandungan novel ini memperkatakan gagasan Persuratan Baru (Mohamad Mokhtar Hassan 2002). Turut dimuatkan ialah kritikan terhadap pelbagai dasar kerajaan, masalah politik wang, pengaruh sistem feodal di Malaysia, dan ketepuan tradisi Hindu, di samping pelbagai idea dan pemikiran tokoh sastera Islam. Isu global umat Islam seperti Palestin dan kedudukan identiti Melayu-Islam di Malaysia juga diketengahkan dalam novel ini. Persoalan-persoalan yang disentuh ini menjadikan *Pujangga Melayu* dipenuhi wacana agama, politik dan sejarah.

Adalah jelas novel tersebut memuatkan pelbagai wacana ilmu untuk pembaca dan ini antara lain mengundang pengamatan atau analisis yang menarik.

GUBAHAN TEKS PUJANGGA MELAYU

Mohd Affandi Hassan adalah pelopor Gagasan Persuratan Baru yang meletakkan adab sebagai asas persuratan di mana ia menjadi tunjang penulisan dan pengkaryaan yang merangkumi hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Menurut Affandi, Persuratan Baru menyarankan bentuk yang didaktik di mana yang ditampilkan dalam karya bukan lagi cerita tetapi ilmu. Justeru, dalam Persuratan Baru keindahan yang dimaksudkan dalam karya ialah 'gabungan estetik dan intelek' yang mempunyai makna. Untuk itu Affandi menampilkan gaya espen (gabungan genre esei dan cerpen) serta bentuk khutbah di dalam prosa Persuratan Baru. Gagasan ini turut menolak kebebasan mutlak di mana kreativiti bukanlah ukuran kebebasan.

Ciri-ciri Persuratan Baru adalah pertama, Persuratan Baru menolak unsur khayal, imaginasi, fasad, keburukan dan pendekatan yang mengkhayalkan seperti realisme magis. Gagasan ini juga menolak kekaburan, serta simbol dan perlambangan yang mengelirukan. Watak-watak seperti pelacur juga tidak diterima. Affandi turut menolak teknik monolog. Kedua, Persuratan Baru menyarankan ilmu, dan bukan cerita yang menjadi tunjang karya. Estetika karya dinilai berdasarkan etika dan intelek di samping penekanan terhadap persoalan akhlak, tauhid dan konsep taklif. Ketiga, aspek-aspek di atas dapat dinilai pada karya dengan memerhati dan menganalisis pilihan yang dilakukan

oleh pengarang ketika menggubah karya iaitu bagaimana ruang naratif telah dimanfaatkan untuk menghantar ilmu. Ilmu yang dimaksudkan adalah wacana mengenai sesuatu isu yang tersusun dan mendalam, dan dipersembahkan dengan kreatif. Keempat, kreativiti pengarang sastera Islam bagaimanapun tidaklah bebas, sebaliknya Affandi menggantikannya dengan 'konsep kalam' yang amat rapat dengan penyampaian ilmu. Kelima, idea dan pemikiran diutamakan dalam karya sastera dan disampaikan menerusi dialog dan perbincangan watak-watak yang ada. Pemikiran tersebut dibawa oleh pengolahan yang objektif terhadap persoalan dan isu iaitu pengarang membuat penyelidikan secara objektif dan kreatif. Untuk itu menurut Affandi teknik khutbah yang merupakan salah satu genre sastera Islam perlu diangkat dan dihidupkan kembali (Mohd Faizal Musa 2010).

Pada rangsang sari *Pujangga Melayu* ada dijelaskan: "Novel ini membicarakan dengan mendalam teori Persuratan Baru yang dikemukakan oleh penulisnya dalam esei sanggahannya terhadap pandangan seorang profesor sastera. Melalui novel ini, Mohd Affandi Hassan mengajak para penulis Malaysia menilai semula dengan kritis kegiatan sastera mereka selama ini dan nilai yang mereka pegang serta amalkan. Novel ini merupakan sebuah novel pertama dalam bahasa Melayu yang membicarakan takrif pengarang dan kegiatan kepengarangan dalam Persuratan Melayu dan Islam. Melalui novel ini, Mohd Affandi Hassan memperkenalkan genre novel kritikan dalam Persuratan Baru yang dianjurkannya." Sebelum perbincangan diteruskan, sekadar satu maklumat tambahan; Mana Sikana mengatakan tidak banyak karya kreatif yang diaplikasikan dengan Gagasan Persuratan Baru ini (Mana Sikana 2001).

Aspek paling dominan di dalam gagasan Persuratan Baru ialah ia menyarankan ilmu. Aspek cerita dalam karya sastera sama sekali tidak menjadi tunjang karya. Menurut gagasan ini lagi estetika karya haruslah dinilai dan dianalisis berdasarkan etika dan intelek, di samping adanya penekanan terhadap persoalan akhlak, tauhid dan konsep taklif. Ini tidaklah bermakna Persuratan Baru sama sekali mengabaikan cerita. Malah cerita dijadikan satu alat atau wadah untuk menyampaikan ilmu. Ungku Maimunah Mohd Tahir (2007) misalnya menyatakan bahawa "Persuratan Baru tidak menolak kehadiran cerita" sebaliknya "Persuratan Baru cukup hemat tentang peranan cerita dalam karya kreatif." Ini bermakna struktur naratif seperti watak, plot dan latar dalam karya tidak lagi berfungsi menyampaikan cerita tetapi ia disediakan untuk menyampaikan ilmu.

Untuk memahami Persuratan Baru, Ungku Maimunah Mohd Tahir menjelaskan gagasan ini dapat diterapkan pada karya dengan memerhati dan menganalisis pilihan yang dilakukan oleh pengarang ketika menggubah karya. Dalam erti kata lain, kedudukan karya persuratan dapat ditentukan dengan menekuni bagaimana ruang naratif telah dimanfaatkan untuk menyampaikan ilmu. Ilmu yang dimaksudkan di sini bukanlah hal remeh-temeh tetapi adalah wacana mengenai sesuatu perkara yang tersusun

dan mendalam, serta dipersembahkan dengan kreatif. Dalam kesempatan ini, wajar juga diulang bahawa Affandi menolak kekaburan, termasuklah simbol dan perlambangan yang mengelirukan. Dalam konteks inilah karya-karya Affandi selaku tokoh Persuratan Baru tidak dapat tidak, harus dianalisis untuk melihat bagaimana gagasan beliau tersebut diketengahkan.

Sebelum perbincangan lanjut dilakukan, wajar disebutkan di sini terdapat karya Mohd Affandi Hassan dalam tahun 70-an, yakni sebelum sastera Islam menjadi fenomena, yang masih menyuguhkan cerita berbanding ilmu. Mohd Affandi Hassan kemudian mengenengahkan idea 'estetika Islam' menerusi bukunya *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam tahun 1992. Hashim Awang (1994) yang mengulas karya ilmiah Affandi tersebut berpendapat pendekatan dan 'ukur tara' yang dikemukakan Affandi adalah 'jelas dan baik' untuk menilai sastera Islam. Antara cerpen beliau yang dapat dirujuk adalah '*Yang Putus*' (1974) dan '*Yang Pergi*' (1974) dalam kumpulan cerpen *Le Masque*. Namun begitu, perlu juga disebutkan di sini karya Mohd Affandi Hassan sewaktu itu sudah mengandungi "kecenderungan menjadikan cerita sebagai polemik dan diskusi ilmiah." Perkara ini ditanggapi oleh Abu Bakar Hamid (1974) yang mengkritik cerpen dengan gaya seperti itu sebagai "pengaruh akademik yang negatif dari segi penulisan kreatif." Berkaitan perkara ini, perbincangan tentang Gagasan Persuratan Baru sebelum ini, jelas menunjukkan tanggapan Abu Bakar Hamid ini bukan sahaja tidak dikongsi oleh Mohd Affandi Hassan bahkan tidak mematahkan usaha Mohd Affandi Hassan untuk memperkembangkan ideanya tentang pengkaryaan.

Merujuk kepada teknik penceritaan *Pujangga Melayu*, ternyata ada beberapa teknik yang dianggap dapat memenuhi tujuan Persuratan Baru, lantas ia dimanfaatkan dengan kerap sehingga ia muncul sebagai sebahagian daripada teknik pengkaryaan novel tersebut.

Pertama, *Pujangga Melayu* digubah dengan menggunakan sudut pandangan pertama. Hal ini membolehkan pengarang memanipulasi naratif mengikut kehendaknya. Aspek ini malah diakui oleh Mohd Affandi dalam *Pujangga Melayu* (1997) yang menjelaskan seorang pengarang harus "meletakkan dirinya di tempat wataknya dan mula berfikir dan bertindak seperti wataknya sendiri." Ungku Maimunah turut memperakukan kenyataan ini dan menyebut kedudukan Affandi sebagai "dalang di sebalik watak Awang" (2002). Ini bermakna pandangan, dialog, dan idea yang disalurkan menerusi watak Awang yang menggunakan sudut pandang pertama adalah pandangan dan suara Mohd Affandi Hassan sendiri. Justeru, ini meletakkan kedudukan dan tindak-tanduk watak Awang kepada satu kedudukan dan tindak-tanduk Affandi sendiri. Dengan kata lain, idea watak utama atau protagonis diselarikan dengan idea pengarang sendiri. Contoh teknik tersebut yang cukup jelas dan tidak dapat dipertikaikan terdapat dalam bab 'Tampang Sasterawan'. Melalui bentuk

ucapan, bahasan dan forum, protagonis Awang telah mengkritik kegiatan dan kedudukan kesusasteraan tanah air, di samping mengajukan gagasan Persuratan Baru. Sayugia diingat idea atau gagasan Persuratan Baru yang diujarkan oleh Awang itu tidak lain dan tidak bukan ialah gagasan Persuratan Baru yang Affandi sendiri perjuangkan di luar dunia kreatif, seperti yang telah dilihat dalam bahagian wacana sastera Islam sebelum ini. Ini dengan jelas menunjukkan pemanfaatan teknik pensenyawaan protagonis dan pengarang:

Menurut ajaran wahyu, nilai itu ditentukan oleh Allah Taala, dan manusia hanya melaksanakannya saja mengikut penentuan yang ditetapkan oleh Allah Taala. Persoalan ini lebih mudah dimengerti jika kita kembali kepada epistemologi. Dengan memakai epistemologi ajaran wahyu, kita mempunyai tiga sumber ilmu yang boleh kita pakai. Pertama sumber wahyu, kedua akal, dan ketiga pengalaman. Di sini saya sebut secara ringkas dan kasar saja. Untuk "kembali menjadi manusia", kita harus menggunakan ketiga-tiga sumber ilmu ini. Jika sumber pertama itu ditinggalkan, maka kita tidak dapat menjawab soalan: Siapakah manusia, apakah tugasnya, dan ke manakah yang ditujunya? Dengan menggunakan epistemologi berasaskan wahyu, kita dengan mudah dapat mentafsirkan ungkapan "kembali menjadi manusia" tadi sebagai kembali kepada taklif. Ertinya, kembali kepada asal-usul kejadian manusia, kepada dua tugas utamanya – sebagai hamba Allah Taala, dan sebagai khalifah di bumi. Jadi, asas falsafah persuratan, dalam model yang saya huraikan ini, ialah taklif tadi. Maka apabila kita ingin menjawab soalan: Di manakah hendak kita letakkan sasterawan itu dalam masyarakat kita, kita harus menilainya daripada jawapan kepada soalan: Apakah yang kita harapkan daripada sasterawan? Maksudnya, kedudukan sasterawan itu dinilai daripada jenis amal yang dikerjakan mereka. Adakah yang mereka hasilkan itu amal yang baik? Adakah yang mereka hasilkan itu jenis amal perbuatan yang paling tinggi? Di manakah kita hendak letakkan amal mereka? Daripada jawapan kepada soalan: Apakah yang kita harapkan daripada sasterawan, kita mengetahui jenis amal yang dikerjakan sasterawan bukanlah amal yang baik, bukan amal yang terpuji, bukan jenis amal yang tinggi nilainya. Amal yang dikerjakan oleh sasterawan berpandukan kemahuan hawa nafsunya, keinginan peribadinya untuk menunjuk-nunjuk, untuk memperagakan keangkuhan intelektual dan sedikit kemahiran dan teknik penulisan, membicarakan hal-hal yang tidak berfeadah, atau tentang hal-hal yang direka-direka untuk memuaskan kemahuan nafsunya. Jadi, jenis amal yang dikerjakan sasterawan itu dikuasai oleh falsafah sastera, yang mengutamakan hawa nafsu dan daya kreatif yang tidak terbatas. Dengan itu kedudukan sasterawan dalam masyarakat tidak layak diberi keistimewaan, tidak layak diberi kedudukan yang tinggi, tidak layak dijadikan contoh, tidak layak dijadikan hasil amalnya, yakni karyanya sebagai bahan pendidikan atau pelajaran. Saya bersetuju dengan Plato, dan di sini saya kira Plato memberikan pendapat yang betul, yang mengatakan bahawa sasterawan itu kedudukannya lebih rendah daripada tukang kayu (Mohd Affandi Hassan 1997).

Menerusi perenggan di atas, dapat diujahkan bahawa terdapat suara pengarang yang kuat dalam novel *Pujangga Melayu*.

Teknik kedua yang dimanfaatkan ialah penggunaan bentuk pidato, syarahan, ceramah, khutbah dan seumpamanya dalam novel. Ternyata teknik tersebut dimanfaatkan dengan meluas dan kompleks. Seperti yang dilihat di atas tadi, penyampaian idea Persuratan Baru oleh Awang diketengahkan dengan jelas melalui bentuk ceramah atau syarahan. Seterusnya, seperti yang dilihat dalam bahagian 'Tampang Sasterawan' itu tadi, bentuk tersebut telah dimanfaatkan dengan lumayannya dalam bab berkenaan. Namun, lebih daripada itu, Mohd Affandi telah memperluas penggunaan teknik ini dengan menggunakan bentuk sisipan kertas kerja. Dalam bab 'Wajah Pendeta', Affandi menyisipkan suatu kertas kerja berjudul '*Perkembangan Pemerintahan dan Kerajaan Tanah Melayu: Satu Perspektif Kepimpinan*'. Syarahan oleh Profesor Dr. Awang Yusuf itu mengkritik dan membincangkan secara ilmiah sistem feudal dan pengaruhnya di Malaysia. Sebagai sebuah esei akademik, syarahan tersebut disertai dengan rujukan, catatan atau nota hujung. Penggunaan syarahan ini memungkinkan Affandi membahaskan dengan panjang lebar satu tajuk khusus iaitu yang berlegar pada soal identiti Melayu-Islam. Malah, begitu tepatnya format kertas kerja ini, maka ia telah mendorong Shamsul Amri (2002), untuk melihatnya sebagai sebuah tulisan akademik, sama seperti tulisan akademik yang dikerjakan oleh sarjana-sarjana. Lanjutan itu jugalah, Shamsul Amri berpandangan analisis dalam syarahan tersebut merupakan satu usaha untuk meletakkan sejarah kepemimpinan Melayu. Pandangan beliau dinyatakan di sini:

Syarahan perdana Awang itu penting bagi kita memahami pandangan serta pendirian Mohd Affandi Hassan mengenai pembentukan identiti Melayu-Muslim. Malah keseluruhan syarahan itu adalah merupakan suatu usaha memerihal dan menghurai identiti tersebut dengan menyusur galur evolusi sejarah kepemimpinan dan kepengurusan Melayu.

Teknik syarahan ini adalah menonjol sesuai dengan tuntutan gagasan Persuratan Baru itu sendiri.

Lagi satu bentuk yang dimanfaatkan oleh Affandi dalam novelnya itu ada kaitan yang erat dengan pilihan epistemik. Pilihan epistemik tersebut digembleng untuk memanfaatkan ruang naratif bagi tujuan menyampaikan idea. Sebagai contoh, babak tertentu yang boleh didramatik dan diperincikan secara lebih lanjut tidak dipanjangkan oleh pengarang. Dengan cara ini, isian ilmu diutamakan berbanding isian cerita. Antara babak yang dimaksudkan ialah kematian Bakhtiar setelah terlibat dalam pelbagai strategi kotor dunia politik. Affandi ternyata tidak berminat untuk menjelaskan bagaimana kematian Bakhtiar boleh berlaku tetapi sebaliknya menjadikan adegan pembunuhan tersebut 'satu ruang' untuk mengkritik kedudukan politik wang dan rasuah dalam parti tertentu. Menurut Ungku Maimunah Mohd Tahir (2002), kesukaran untuk mencari babak dramatik dan grafik dalam novel setebal 714 halaman membuktikan *Pujangga Melayu* lebih mementingkan pemikiran.

Adalah jelas *Pujangga Melayu* mengutamakan ilmu, di mana elemen penceritaan seperti plot digembeng untuk membawa idea, pemikiran dan wacana ilmu pengarangnya. Dengan kata lain, novel karya Affandi ini masih dapat ditelusuri ceritanya meskipun cerita itu berfungsi untuk mengengahkan wacana.

PERSOALAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK DAN REMAJA DALAM PUJANGGA MELAYU

Wacana mengenai pendidikan anak-anak dan remaja menurut Islam paling banyak diutarakan oleh Mohd Affandi Hassan dalam *Pujangga Melayu* menerusi bab 'Jejak Warisan'. Sebahagian besar wacana tersebut disalurkan menerusi kehadiran watak datuk kepada Awang iaitu Tok Ayah. Sekurang-kurangnya terdapat enam pemikiran besar yang dibahaskan oleh Affandi mengenai persoalan ini, iaitu:

1. Pendedahan aspek tauhid untuk anak-anak.
2. Prinsip *muraqabah* dalam pendidikan anak-anak.
3. Pendidikan fizikal yang bermanfaat untuk anak-anak dan remaja.
4. Pemantapan konsep ilmu untuk anak-anak dan remaja Islam.
5. Pemugaran aspek akhlak dan moral untuk anak-anak dan remaja.
6. Pendidikan anak-anak menerusi aspek ibadah dan amalan.

Pertamanya, *Pujangga Melayu* telah memberi sumbangan wacana tentang pendedahan aspek tauhid kepada anak-anak. Hal ini akan dibuktikan kelak. Di dalam Islam asas paling penting dalam pendidikan anak-anak ialah menanamkan falsafah tauhid yang terkandung dalam dua kalimah syahadah. Konsep taklif dari ajaran tauhid ini misalnya terpancar secara jelas menerusi firman Allah dalam ayat 13 surah Luqman yang bermaksud: "Dan tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku, janganlah engkau mempersekutukan Allah sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar." Ayat ini memberi mesej yang tegas supaya anak-anak diberikan pengukuhan aspek doktrin tauhid (Abdul Rashid Ahmad 2003).

Menurut Islam, pendidikan anak-anak wajar memberi penekanan kepada persoalan pembanterasannya kesyirikan atau menduakan Allah. Dalam masa yang sama, semangat hakikat kejadian manusia ini sebagai khalifah Allah juga harus dipupuk. Ini difirmankan Allah dalam surah al-A'raaf, ayat 172 yang bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (Firman-Nya): Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka menjawab: Benar, kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak: Sesungguhnya kami orang yang lalai tentang (hakikat tauhid) ini."

Wacana bersumber al-Quran seperti yang dinyatakan di atas dapat ditemukan dengan jelas sekali dalam *Pujangga Melayu*. Mohd Affandi Hassan (1997) menghujahkan konsep taklif yang menunjangi Persuratan Baru seawal halaman lima:

Dalam nama-nama itu terkandung ilmu yang mendalam. Siapa yang beri ilmu itu? Allah Subhanahu wa Taala. Jadi bila kita kembali kepada falsafah nama ini. Kita kembali kepada asal kejadian kita, kepada fitrah kita, kepada janji kita dengan Allah Taala. Kamu tahu apa janji itu? Janji itu ialah janji kita semua anak Adam, yakni manusia, untuk menyembah hanya Allah Taala dan menjadi hamba-Nya. Tidak aku (yakni Allah) jadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah-Ku, yakni menjadi hamba Allah Taala. Itulah firman Allah Taala. Kemudian daripada itu, manusia dikenal dengan namanya. Jadi, nama itu sangat mulia pada diri manusia.

Penegasan dan pengukuhan doktrin tauhid seperti yang diutarakan di atas adalah tunjang kepada sebuah karya persuratan. Wacana ilmu dalam *Pujangga Melayu* yang bertujuan untuk mengingatkan pembaca sebagai hamba Allah ini tidak bertentangan dengan pertanyaan Allah dalam surah al-Mu'minuun ayat 115 yang bererti: "Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu sia-sia sahaja? Dan kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

Aspek kedua yang terlihat dalam *Pujangga Melayu* ialah pengawasan hukum-hakam. Khutbah atau nasihat-nasihat watak Tok Ayah dalam *Pujangga Melayu* tidak sahaja disampaikan kepada Awang tetapi juga dicurahkan kepada Zubaidah, ibu Awang. Tok Ayah misalnya amat memberi penekanan kepada peranan seorang ibu dalam mendidik anak-anak mengikut lunas Islam. Tok Ayah menyampaikan antara lain wacana supaya seorang ibu memahami tugas atau peranan seorang ibu itu bukanlah sekadar menguruskan rumah tangga semata-mata tetapi juga menjadi 'kitab' iaitu memberi petunjuk buat anak-anak. Perenggan berikut dapat diketengahkan sebagai bukti:

Kamu tahu apakah nama kitab Imam Shafie yang termasyhur? Al-Umm, yakni Ibu. Demikianlah, Zubaidah. Seorang ibu itu seperti kitab kepada anak-anaknya. Dia memberi petunjuk dan jalan yang benar. Dia tidak sekali-kali akan membawa anaknya ke jalan yang sesat. Sungguh berat tugasmu, Zubaidah. Kamu mesti bersedia betul-betul supaya kamu tidak kecewa nanti.

Berdasarkan perenggan tersebut Affandi selaku pengarang secara sedar menghantar wacana ilmu yang meletakkan tugas seorang ibu sebagai pemberi pedoman. Watak Tok Ayah juga secara terang dilakarkan dalam teks untuk memberitahu Awang supaya menghormati hukum-hakam agama justeru menghormati kedudukan al-Quran (Mohd Affandi Hassan 1997). Ini juga bermakna menurut Islam, anak-anak harus disediakan dengan aspek pengawasan, yakni prinsip *muraqabah* bahawa Allah Maha Besar sedang memerhatikan segala amal baik atau buruk yang mereka lakukan. Ini bersesuaian dengan ayat 16 dalam surah Luqman yang bermaksud:

“(Luqman menasihati anaknya dengan berkata), Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) seberat biji sawi sekalipun, serta ia tersembunyi di dalam batu besar ataupun di langit ataupun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dibicarakan dan dibalas-Nya) kerana sesungguhnya Allah amat luas pengetahuan-Nya, lagi amat meliputi segala yang tersembunyi.” Ayat tersebut menjadi tanda bahawa setiap amalan manusia, hatta sehalus mana sekalipun sedang dan pasti dinilai oleh Allah. Dalam ayat al-Quran di atas, konsep *muraqabah* ini disampaikan oleh Luqman kepada anaknya. Hal yang sama dilakukan oleh watak Tok Ayah kepada Awang dan watak-watak lainnya.

Aspek ketiga yang turut disentuh pengarang *Pujangga Melayu* ialah memberi perhatian kepada pendidikan fizikal. Dalam Islam, pendidikan fizikal amat dianjurkan supaya anak-anak diasuh mencintai kesihatan, dan segala aktiviti yang menyihatkan. Pendidikan fizikal yang bermatlamatkan kecergasan dan kecerdasan ini misalnya ditekankan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1995) yang menyebut dalam karangan *Tarbiyat al-Awlad fil-Islam* pendidikan fizikal untuk anak-anak Islam adalah satu kemestian:

“Jika permainan yang bersih, yang merihatkan jiwa, serta yang memelihara jasmani dan melengkapkannya dengan berbagai-bagai senaman dikira antara hal-hal yang mesti bagi seorang Muslim, maka melazimkan semua perkara-perkara itu kepada si anak pada masa kecilnya adalah menjadi suatu perkara yang penting sekali...”

Aspek pendidikan fizikal ini ditekankan oleh Mohd Affandi Hassan (1997) menerusi Tok Ayah apabila watak tersebut menasihati cucu-cucunya Bakhtiar dan Ishak:

Sukan itu untuk jasmani saja. Tok Ayah tidak percaya sukan itu untuk menyihatkan badan. Sukan sekarang jadi cara mudah untuk cari wang. Kalau sukan untuk kesihatan, tentu kita tak dengar orang menderita kerana bersukan. Dapat sakit bermacam-macam kerana bersukan. Kadang-kadang penyakitnya tidak dapat diubati. Mana buktinya bersukan untuk kesihatan? Tak ada bukti. Oleh itu pendapat yang berkata sukan itu penting untuk kesihatan adalah dusta dan tidak betul. Sukan itu boleh jadi, mungkin, menyihatkan tubuh badan tetapi tidak semestinya begitu. Tok Ayah kata begitu kerana sukan itu tidak ada matlamat selain untuk berseronok, menang pertandingan, dapat hadiah, dapat sanjungan atau tepukan. Dapat untung. Apa matlamat sukan? Berseronok sahaja. Itulah kerja sia-sia. Itulah kerja melalaikan manusia daripada tanggungjawab kepada Allah Taala. Kamu fikir orang yang pergi beramai-ramai tengok bola waktu malam itu sembahyang maghrib? Tidak. Bagi mereka, bola lebih penting daripada sembahyang.

Menerusi wacana di atas Affandi menggariskan satu perbezaan yang jelas dalam memahami pendidikan fizikal untuk anak-anak. Sukan yang tidak membawa kecergasan malah mendatangkan mudarat ditolak dan tidak dilihat peranannya dalam agama. Pandangan di atas juga selaras dengan apa yang digariskan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1995) yang memetik pendapat Imam Ghazali dalam *Ihya Ulumiddin* bahawa pendidikan fizikal

penting dalam “memperbaharui kecergasan, gerak-geri, kebersihan otak dan meringankan jasmani anak-anak.” Ulama terkenal tersebut turut menegaskan permainan yang “membahayakan badan dan melemahkan anggota” adalah mudarat dan dilarang oleh Islam.

Di bawah tajuk yang sama, wacana ilmu keempat yang ditemukan dalam teks adalah aspek pendidikan keilmuan untuk anak-anak. Aspek ini adalah komponen paling utama dan rapat dengan pertumbuhan kanak-kanak Islam di mana *Pujangga Melayu* mengutamakan wacana sekitar tanggungjawab pendidikan intelektual. Sebagaimana yang dimaklumi, ayat pertama al-Quran yang mengetuk kalbu Rasulullah SAW ialah ayat 1-5 surah al-Alaq yang langsung berbicara mengenai ilmu, maksudnya: “Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”

Syariat Islam amat mengambil berat persoalan mempelajari ilmu pengetahuan yang betul. Antara lain Allah berfirman dalam ayat 9 surah az-Zumar yang bermaksud: “Katakanlah: Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang dapat mengambil peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna.” Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1995), kemantapan ilmu yang benar adalah antara tanggungjawab pendidikan mental untuk anak-anak Islam yang paling asasi. Pendedahan ilmu yang jelas dan benar ini akan membantu pembinaan tamadun umat Islam.

Wacana yang memperakukan penegasan ayat-ayat al-Quran di atas dimuatkan dalam *Pujangga Melayu* menerusi perbincangan watak ayah dan Awang yang masih remaja:

Kamu mesti jelas dalam tiga perkara. Pertama, kamu mesti jelas tentang teori ilmu. Ini kita panggil epistemologi. Apakah sumber ilmu? Apakah tujuan ilmu? Apakah sempadan ilmu? Apakah beza ilmu dengan maklumat? Bagaimana kita mendapat ilmu? Ayah akan syarahkan persoalan yang rumit ini perlahan-lahan, sedikit demi sedikit. Untuk sementara waktu, cukuplah jika ayah jelaskan begini saja: Ilmu ialah sesuatu yang kita ketahui yang membuat kita yakin akan wujud Allah Taala dan kita tahu rahsia kejadian serta matlamat hidup kita. Itulah pendapat Imam Ghazali. Ilmu dalam pengertian itu ialah iman itu sendiri. Sebab itu al-Quran menegaskan: Hanya orang-orang yang berilmu sahaja takutkan Allah. Ilmu yang demikian kita dapat melalui empat sumber utama: wahyu, yakni al-Quran, sunnah, pengalaman dan akal. Ilmu bukan maklumat, kerana maklumat itu hanya fakta-fakta daripada pengalaman kita. Pengalaman dan fakta membantu kita memahami kehidupan kita hari-hari. Ini memungkinkan kita mencipta sains dan teknologi.

Kefahaman Awang terhadap konsep ilmu ketika usianya masih rebung ini dicurahkan semula kepada anak-anaknya, khususnya secara jelas ialah menerusi watak anaknya, Fatimah. Konsep ilmu yang dibincangkan sepanjang naratif *Pujangga Melayu* ini juga menjadi asas kepada sistem pembelajaran dan pendidikan Universiti

Darul Naim yang sedang diusahakan oleh Awang di akhir cerita *Pujangga Melayu*. Protagonis Awang mencita-citakan untuk menerapkan kandungan pendidikan yang sama di institusi pengajian tinggi di mana “ilmu-ilmu abadi” berasaskan Islam dipadukan dengan “ilmu-ilmu amali yang dapat melancarkan urusan dalam kehidupan moden” (Mohd Affandi Hassan 1997).

Aspek kelima dalam perbincangan sekitar pendidikan anak-anak dan remaja Islam ialah pemugaran prinsip akhlak dan moral. Wacana pengarang dalam *Pujangga Melayu* amat jelas iaitu mendidik remaja dengan prinsip akhlak yang harus disuburkan dan dibaja. Anak-anak dididik mematuhi *qudwah salihah* seperti yang dituntut oleh Allah ke atas kita semua dengan memerhatikan peribadi Rasulullah SAW. Wacana ini bertepatan dengan ayat 21 surah al-Ahzab, maksudnya: “Sesungguhnya, adalah bagimu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah.”

Mohd Affandi Hassan (1997) menganjurkan supaya ibubapa meletakkan ketegasan dalam memastikan akhlak dan budi pekerti anak-anak sentiasa ditundukkan menurut kerangka akhlak Islam. Hal ini misalnya terlihat dalam perenggan di bawah, di mana Bakhtiar yang nakal ‘diluruskan’ dengan ketegasan termasuk melalui fizikal:

Aku telah melihat dua jenis ketegasan yang berbeza: ketegasan ayahku yang tidak mahu keputusannya dilanggar; ketegasan ibuku yang tidak dapat menerima kebiadaban seorang anak yang engkar kepada keputusan ibu-bapa yang ingin membentuk mereka menjadi manusia yang taat dan berbudi mulia.

Pemugaran akhlak dan moral yang sama dikemukakan oleh Awang kelak terhadap anaknya khususnya Fatimah yang digambarkan sebagai berdisiplin tinggi dan cerdas (Mohd Affandi Hassan 1997). Awang malah memberi pendedahan moral yang sama untuk anak suntinya tersebut dengan menekankan persoalan “cinta yang berasaskan taklif” di mana sifatnya bertunjangan ketuhanan dan murni, berbanding “cinta yang berasas hawa nafsu dan amarah” yang menjadikan manusia “berperangai syaitan.”

Aspek pendidikan anak-anak yang terakhir yang dapat dikesani dalam *Pujangga Melayu* ialah keutamaan dan kehalusan pendidikan anak-anak dan remaja menerusi ibadah dan amalan agama. Persoalan ini dapat ditemui paling jelas pada bahagian Tok Ayah sedang nazak dan memberi pelbagai nasihat akhir kepada Awang di kota Mekah:

Awang, wirid apa yang kamu baca setiap waktu?’

Aku menyebut beberapa wirid pendek yang diajarkan olehnya sendiri.

Bagus. Tapi elok jika kamu banyakkkan sembahyang sunat, terutama sunat malam. Sembahyang sunat malam menyihatkan badan. Sembahyang sunat itu dinding ibadat, yang akan mengawal amal ibadat kita yang lain. Kalau kita biasakan

sembahyang sunat, kita telah menentukan sembahyang lima waktu kita sempurna. Itulah rahsianya. Sembahyang sunat itu ibarat wangi-wangian, yang membuat amal-amal lain jadi harum. Haruman itu terpancar dalam wajah kamu. Orang yang sembahyang malam berseri wajahnya, muda, dan manis sentiasa. Itulah berkatnya sembahyang malam, Awang. Kamu mesti amalkan (Mohd Affandi Hassan 1997).

Menurut ulama terkenal dunia Islam, Muhammad Qutb (1980), antara asas kepada pendidikan anak-anak dan remaja Islam yang wajar diberi penekanan khusus oleh ibu bapa ialah persoalan solat dan amalan ibadah. Persoalan solat juga menjadi asas kepada pendidikan anak-anak sejajar dengan ayat 31 surah Maryam: “Dan ia menjadikan aku (Nabi Isa) seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan solat dan memberi zakat selagi aku hidup.” Abdul Rashid Ahmad (2003), menjelaskan hakikat ayat ini merupakan percakapan Nabi Isa alaihissalam sewaktu masih berada di dalam buaian, dan ia menunjukkan pendidikan solat adalah sesuatu yang dituntut untuk diterap dan diajarkan kepada anak-anak dan remaja Islam. Beliau juga berhujah solat mempunyai kesan yang baik dalam pembentukan akhlak yang mulia untuk anak-anak.

Sesungguhnya wacana mengenai pendidikan Islam untuk anak-anak dan remaja ini amat penting seperti yang dinyatakan oleh seorang sarjana dunia Islam, Taqi Falsafi (1994). Menurut beliau, penyediaan wacana mengenai pembinaan remaja Islam menjadi prasyarat penting dalam pembentukan tamadun umat. Usaha Affandi menyuguhkan wacana keilmuan mengenai persoalan ini dalam *Pujangga Melayu* ternyata tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran yang dianjurkan oleh Islam menerusi al-Quran dan sunnah. Pendekatan khutbah yang digunakan oleh Persuratan Baru membolehkan wacana keilmuan mengenai pendidikan anak-anak dan remaja Islam ini dibahaskan dengan panjang lebar, dan mendalam, serta tidak bersifat permukaan.

KESIMPULAN

Gagasan Persuratan Baru yang dipelopori oleh Mohd Affandi Hassan ternyata sangat mementingkan ilmu dan pemikiran. Affandi menggunakan istilah dan konsep persuratan yang menekankan ilmu dan menolak tahyul, untuk membezakannya dengan yang tidak menjadikan ilmu keutamaannya. Beliau juga meletakkan adab sebagai asas persuratan dan menjadi tunjang kepada sastera Islam yang merangkumi hubungan dengan Allah dan manusia. Persuratan Baru turut menolak konsep fiksyen Barat, termasuk pendekatan yang mengkhayalkan seperti realisme magis, ini termasuklah kekaburan menerusi simbol dan perlambangan. Secara keseluruhannya, Persuratan Baru menekankan ‘gabungan estetik dan intelek’ sebagai keindahan karya sastera Islam. *Pujangga Melayu* dijadikan oleh pengarangnya sebagai pencetus gagasan Persuratan Baru iaitu sebagai acuan atau medan untuk membina sebuah karya sastera yang mengutamakan ilmu, pemikiran

dan idea. Usaha Mohd Affandi Hassan dalam *Pujangga Melayu* tidak bertentangan dengan sumber-sumber Islam. Persoalan pendidikan anak-anak dan remaja dalam Islam telah dihuraikan dan disuguhkan dalam teks dengan meyakinkan, mendalam lagi jelas. Malah, persoalan tersebut telah digubah dalam bentuk yang mantap sehingga menutup ruang kekeliruan dan keraguan. Hal seumpama ini dapat dilakukan kerana Affandi menggunakan pendekatan khutbah, pidato dan perbahasan yang mengutamakan wacana ilmu.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Ahmad. 2003. *Surah Luqman: Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Abdullah Nasih, Ulwan. 1995. *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Bernheimer, C. (Ed). 1995. *Comparative Literature in the Age of Multiculturalism*. Baltimore dan London: The John Hopkins University Press.
- Hashim Awang. 1994. Metodologi kesusasteraan Islam: kaedah penilaian. *Dewan Sastera* Februari.
- Mana Sikana. 2001. Teori taabuddiyah. *Dewan Sastera*. Februari: 14-16.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2002. *Pujangga Melayu: Mohd Affandi Hassan: Satu Interpretasi Pemikiran Pengarang*. Kertas kerja Majlis Diskusi Buku. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 27 Februari.
- Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan. 1974. Yang putus. Dlm. *Le Masque*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Affandi Hassan. 1997. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Faizal Musa. 2010. *Sastera Islam: fenomena, wacana dan penerapannya di Malaysia dan Indonesia*. Tesis Dr. Fal, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zariat Abdul Rani. 2004. *Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru*. Tesis Dr. Fal, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad, Qutb. 1980. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Syruq.
- Najibah Abdul Mutalib. 2000. Teori ilmu menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Wacana Dialog Peradaban* Jilid 1 Julai-Disember.
- Remak, H.H.H. 1971. Comparative literature: its definition and function. Dlm. *Comparative Literature: Method and Perspective*, disunting oleh Stallknecht, Newton P. & Horst, Frenz. Carbondale: Southern Illinois University Press.
- Sahih Bukhari. 2002. Singapura: Darel Fajr Publishing House.
- Sahih Muslim. 2002. Singapura: Darel Fajr Publishing House.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2002. *Pujangga Melayu Pujangga Idaman: Problematika Identiti Melayu-Muslim Malaysia*. Catatan Majlis Diskusi Buku. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 27 Februari.
- Taqi, Falsafi. 1994. *As-Syabab*. Beirut: Al-Alami.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2002. *Pujangga Melayu oleh Mohd Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal*. Kertas kerja Majlis Diskusi Buku. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 27 Februari.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2007. *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi
Mohd Faizal Musa
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan